

# Apa Yang Anda Harus Tahu Mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi

## Apa itu Akta Perlindungan Data Peribadi?

Mulai 2 Julai 2014, kewajipan perlindungan data<sup>1</sup> di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2012 (PDPA) membolehkan anda melindungi data peribadi anda yang dikumpulkan, digunakan dan didedahkan pertubuhan-pertubuhan swasta<sup>2</sup>.

Daftar Jangan Telefon (DNC) negara juga telah disediakan untuk anda mendaftar nombor telefon Singapura anda sekiranya anda tidak mahu menerima pesanan-pesanan pemasaran melalui telefon daripada sebarang pertubuhan.


<sup>1</sup> Kewajipan perlindungan data di sini merujuk kepada bahagian III hingga VI PDPA.

<sup>2</sup> Kewajipan perlindungan data tidak digunakan oleh sebarang agensi awam, atau pertubuhan yang bertindak bagi pihak agensi awam, yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan atau pendedahan data peribadi.

## Apakah manfaatnya?

PDPA:

1.



Memberi anda lebih banyak kawalan ke atas data peribadi anda.

2.



Membolehkan anda mengakses dan membetulkan data peribadi anda.

3.



Membolehkan anda mengurangkan jumlah pesanan-pesanan pemasaran melalui telefon tanpa diminta yang diterima.



## Apa itu data peribadi?

Sebarang data mengenai anda boleh dianggap sebagai data peribadi.

Data peribadi di bawah PDPA termasuk seperti berikut:

- Nama penuh
- Nombor Kad Pengenalan atau pasport
- Foto atau imej video individu
- Nombor telefon bimbit
- Alamat e-mel peribadi
- Cap jari
- Nama dan alamat rumah



Nota: Maklumat yang anda berikan untuk menghubungi anda bagi tujuan perniagaan (juga dikenali sebagai maklumat hubungan perniagaan) tidak dilindungi di bawah kewajipan perlindungan data. Ini termasuk nama, jawatan, nombor telefon perniagaan/alamat/alamat e-mel/nombor faks dan lain-lain maklumat yang serupa mengenai anda.

## Bagaimana PDPA memberi manfaat kepada anda?

Dengan adanya PDPA, anda boleh memilih pertubuhan yang mana satu yang boleh mengumpul data mengenai anda, bagaimana ia boleh digunakan dan sama ada ia boleh didedahkan. PDPA merangkumi semua data peribadi dalam bentuk elektronik dan bukan elektronik, tidak kira sama ada data peribadi tersebut betul atau palsu.

Anda juga mempunyai tanggungjawab untuk melindungi data peribadi anda. Dengan menguruskan data peribadi anda secara berhati-hati, anda boleh mengurangkan risiko data peribadi anda disalahgunakan.

Perkara-perkara yang harus anda pertimbangkan:

## Memberi Persetujuan

Pertubuhan-pertubuhan dikehendaki memberitahu anda mengapa mereka meminta data peribadi anda dan mendapatkan persetujuan anda sebelum mengumpul, menggunakan atau mendedahkan data peribadi anda. Jika anda memberi data peribadi anda secara

sukarela untuk tujuan tertentu, anda boleh juga membenarkan pertubuhan-pertubuhan mengumpul, menggunakan atau mendedahkan data peribadi anda. Ini bermakna "anda dianggap sudah bersetuju".

## Mengetahui Apakah Data Peribadi Yang Perlu Diberikan

Kadang-kadang, anda tidak perlu memberikan data peribadi anda. Pertubuhan-pertubuhan tidak boleh memaksa anda untuk membenarkan data peribadi anda dikumpul, digunakan atau didedahkan tanpa sebab yang munasabah untuk menyediakan produk atau perkhidmatan kepada anda.

## Menarik Balik Persetujuan

Anda boleh memberitahu sesebuah pertubuhan untuk berhenti mengumpul, menggunakan atau mendedahkan data peribadi anda. Pertubuhan itu hendaklah memaklumkan kepada anda tentang akibat-akibat yang mungkin timbul daripada penarikan balik persetujuan anda itu sebelum memproses permintaan anda. Bagaimanapun, pertubuhan tersebut tidak dikehendaki memadam atau menghapuskan data peribadi anda dan boleh menyimpannya selagi ada keperluan perniagaan atau undang-undang.

## Meminta Akses

Anda boleh meminta untuk melihat data peribadi anda yang ada pada sesebuah pertubuhan. Anda juga boleh memeriksa bagaimana data peribadi anda telah atau mungkin telah digunakan atau didedahkan pada tahun lalu. Sila ambil perhatian bahawa pertubuhan-pertubuhan mungkin mengenakan bayaran pentadbiran bagi setiap permintaan untuk mengakses data itu atau menolak permintaan itu jika ianya dianggap remeh.

Pertubuhan-pertubuhan juga tidak boleh memberikan anda akses jika memberikan data peribadi itu boleh:

- Mendarangkan kemudaratuan serta merta atau serius ke atas keselamatan atau kesihatan fizikal/mental anda;
- Mengancam keselamatan atau kesihatan fizikal/mental orang lain;

- Mendedahkan data peribadi orang lain;
- Mendedahkan identiti orang yang memberikan data peribadi anda; atau
- Bertentangan dengan kepentingan negara.

## Meminta Pembetulan

Anda boleh meminta sesebuah pertubuhan supaya membetulkan kesilapan atau butiran yang tidak dimasukkan dalam data peribadi anda yang disimpan olehnya. Kecuali pertubuhan itu mempunyai alasan yang sah untuk tidak membuat pembetulan, ia hendaklah membetulkan data dan menghantarnya kepada pertubuhan-pertubuhan yang telah menerima data itu pada tahun lalu; atau jika anda setuju, hanya kepada pertubuhan-pertubuhan tertentu yang mana data peribadi anda itu telah didedahkan.

## Bagaimana anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai PDPA?

Sila lungsuri lelaman Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi (PDPC) di [www.pdpc.gov.sg](http://www.pdpc.gov.sg) untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai PDPA dan bagaimana anda boleh melindungi data peribadi anda.

Dengan ini kandungan yang disediakan memberikan maklumat umum mengenai undang-undang perlindungan data peribadi di Singapura dan bukan bertujuan sebagai pernyataan rasmi atau lengkap undang-undang atau untuk menggantikan nasihat undang-undang. Untuk maklumat lanjut mengenai PDPA, sila lungsuri lelaman kami di [www.pdpc.gov.sg](http://www.pdpc.gov.sg).

HAK CIPTA 2014 - Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi Singapura dan Pengguna Pembangunan Infokom Singapura

Kandungan penerbitan ini dilindungi oleh hak cipta, cap dagangan dan bentuk hak milik lain. Semua hak, hak milik dan kepentingan dalam kandungan ini dimiliki oleh, dilesenkan kepada atau dikawal oleh PDPC dan/atau IDA, melainkan dinyatakan sebaliknya dengan jelas. Penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan semula, diterbitkan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan apa jua cara, secara keseluruhan atau sebahagiannya, tanpa kebenaran bertulis.